



Anwar pada sesi taklimat media bertajuk 'Unlocking ASEAN's Digital Future: Driving Inclusive Growth and Global Competitiveness' pada Sidang Kemuncak Tahunan Forum Ekonomi Dunia 2025' di Davos, semalam. (Foto BERNAMA)

# Malaysia tak boleh miliki akta lapuk hadapi cabaran: PM

**Kerajaan komited tampilkan undang-undang terkini sejajar perkembangan semasa global**

**Davos (Switzerland):** Malaysia tidak boleh terus memiliki undang-undang lapuk bagi menangani banyak cabaran baharu yang muncul, terutama dalam mengharungi arus kemajuan pesat teknologi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bercakap pada sesi taklimat media bertajuk *Unlocking ASEAN's Digital Future: Driving Inclusive Growth and Global Competitiveness* pada Sidang Kemuncak Tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2025, Anwar berkata, perkembangan itu menuntut kerajaan memupuk peluang besar dalam kerjasama antarabangsa bagi menghadapi cabaran berkenaan.

Beliau turut menyuarakan komitmen kerajaan untuk menampilkannya undang-undang terkini yang sejajar dengan perkembangan global.

"Kita ambil semua undang-undang terkini yang berkaitan di

seluruh dunia dan menyesuaikan dengan sewajarnya, untuk meneruskannya.

"Mujur kerajaan mempunyai sokongan majoriti dua pertiga di Parlimen. Itu sangat membantu.

"Ini disebabkan orang ramai akan melihat pelbagai perkara yang perlu kita lakukan untuk memberi makna kepada kerjasama yang berkesan dan dasar yang jelas serta pelaksanaan pantas yang berkesan," kata Anwar yang juga Menteri Kewangan.

Penceramah lain pada sesi 30 minit yang dikendalikan oleh Ketua Pembangunan dan Perancangan Media WEF, Dai Di itu ialah Worldwide Managing Partner Bain & Company, Christophe De Vusser dan Ketua Agenda Serantau WEF untuk Asia-Pasifik, Joo-Ok Lee.

## **Rangka dasar lebih tepat**

Ketika ditanya kaedah untuk mencapai potensi penuh ASEAN yang menyaksikan Malaysia sebagai pengerusi perkumpulan serantau berkenaan tahun ini, Anwar berkata, semua pemimpin negara anggota mesti terus merangka dasar yang betul, terutamanya mengenai kemajuan pesat teknologi baharu.

"Kerjasama itu bermaksud semua perlu merendah diri untuk mengakui ini teknologi baharu yang mencabar.

"Kita tidak mempunyai semua jawapan. Oleh itu kerjasama mesti bermula dengan semua pi-

hak terbabit, daripada penggiat, syarikat besar dan juga negara.

"Sekarang tugasnya bukan untuk muncul dengan jawapan, sebaliknya mendapatkan semua input yang diperlukan, mengenai apa yang perlu dilakukan.

"Sudah pasti ekosistem yang perlu ada, termasuk lapangan terbang, pelabuhan, infrastruktur, pusat kecemerlangan, penyelidikan dan kerjasama dengan universiti," katanya.

Beliau berkata, selain kerjasama dalam kalangan pemimpin ASEAN, penting untuk melibatkan sektor swasta kerana teknologi ialah bidang yang memerlukan kerajaan untuk mengakui batasan mereka dan menerima pendekatan kolaboratif jika mereka ingin berjaya.

Anwar kini mengetuai delegasi Malaysia dalam lawatan kerja tiga hari untuk menghadiri Sidang Kemuncak Tahunan WEF 2025, di sini.

Ini penyertaan pertamanya dalam WEF sejak memegang jawatan Perdana Menteri pada 2022.

Dengan tema *Collaboration for the Intelligent Age*, sidang kemuncak peringkat tinggi yang bermula kelmarin dan berlangsung sehingga 24 Januari itu akan membincangkan pelbagai perkara, antaranya berkaitan peranan dan sumbangan teknologi baru muncul serta inovasi terkini dalam menangani isu ekonomi global. BERNAMA